From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Sunday, 17 April, 2022 10:43:53 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SOE Dan PPD Padang Terap Jalin Kerjasama Strategik Untuk Pembangunan Profesional Guru Negeri Kedah

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

17 APRIL 2022 / 15 RAMADAN 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Prof. Madya Dr. Nor Hasimah Ismail
Gambar oleh: Prof. Madya Dr. Siti Noor Ismail

SOE DAN PPD PADANG TERAP JALIN KERJASAMA STRATEGIK UNTUK PEMBANGUNAN PROFESIONAL GURU NEGERI KEDAH



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) menerusi Pusat Pengajian Pendidikan (SOE) telah mengadakan sesi perbincangan dengan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Padang Terap bagi menjalinkan kerjasama strategik dalam pembangunan profesional guru-guru di daerah tersebut.

Pertemuan itu diketuai Dekan SOE, Prof. Dr. Yahya Don, manakala PPD Padang Terap disertai Pegawainya, Ahmad Bashori Rahim.

Yahya berkata, pada pertemuan itu, SOE telah menawarkan program pembangunan profesional guru dalam tiga bidang tujahan utama iaitu Pengurusan Sekolah, Kompetensi Guru Bahasa Inggeris dan Pendidikan Islam serta Inovasi Pengajaran.

Di samping itu, menurutnya, SOE juga menawarkan kepada guru di bawah PPD Padang Terap untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Lanjut antaranya di bawah Program Sarjana Sains (Pengurusan Pendidikan), Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam) dan Sarjana Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris).

Tambah beliau, pelbagai bentuk cadangan program profesional lain turut dibincangkan antaranya Program Pemindahan Ilmu (KTP) yang mana program-program itu dapat membantu meningkatkan lagi prestasi, kompetensi, kemahiran dan profesionalisme guru-guru di daerah ini.

“Kita juga mempelawa dan mengalu-alukan kehadiran pelajar sekolah menengah di daerah Padang Terap ke UUM melalui penganjuran program Lawatan Sambil Belajar@Jom Masuk UUM.

“Pada masa sama, SOE menawarkan program khidmat komuniti antaranya melalui penganjuran Program Motivasi Kecemerlangan Pelajaran kepada pelajar sekolah di daerah tersebut,” katanya.

Sementara itu, Ahmad Bashori menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada SOE atas inisiatif strategik itu dan mengalu-alukan pelbagai bentuk kerjasama lain dalam usaha UUM untuk membangunkan bidang pendidikan khususnya di kawasan luar bandar dan daerah terpencil seperti Padang Terap.

Menurutnya, PPD Padang Terap sedia memberikan komitmen untuk membantu mengalakkan guru-guru di daerah ini menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi iaitu peringkat Sarjana, Doktor Falsafah dan Doktor Pendidikan di UUM.

Jalinan kerjasama strategik itu juga turut mendapat perhatian dan sokongan penuh daripada Ahli Parlimen Padang Terap, Dato’ Seri Mahdzir Khalid yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.